



Imbas kod QR untuk e-Filing



## PENGEMUKAAN BORANG NYATA TAHUN 2020 TARIKH AKHIR BORANG BE

# e-Filing

MUDAH | TEPAT | SELAMAT

<https://mytax.hasil.gov.my>

# 15

Mei 2021

**Tidak Menjalankan Perniagaan**



### 1. PINDAAN CP500

Pemohonan meminda amaun ansuran anggaran cukai boleh dibuat dengan menggunakan Borang CP502. Borang yang lengkap perlu dikemukakan ke cawangan yang mengendalikan fail pembayar cukai selewat-lewatnya 30 Jun.

Borang CP502 ini boleh diperolehi di Portal Rasmi LHDNM, [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my) > klik Borang > klik Muat Turun Borang dan pilih Lain-lain Borang.

### 2. BORANG NYATA TERPINDA (BNT)

Pembayar cukai dibenarkan membuat pindaan sendiri (*self-amendment*) ke atas maklumat atau taksiran dalam Borang Nyata dengan mengemukakan BNT dalam tempoh enam (6) bulan selepas tarikh akhir pengemukakan Borang Nyata. Pindaan adalah disebabkan :

- i. Pendapatan terkurang lapor / tidak lapor;
- ii. Perbelanjaan / tuntutan lain yang terlebih tuntutan; atau
- iii. Elaun modal / insentif / pelepasan yang terlebih tuntutan.

Pengemukakan BNT yang lengkap boleh dibuat secara :-

#### i. Manual :

Dihantar ke cawangan LHDNM yang mengendalikan fail cukai pendapatan masing-masing

#### ii. e-Filing :

Melalui MyTax, <https://mytax.hasil.gov.my> > klik e-Filing > klik e-Borang > pilih e-BNT C

**(Nota: Untuk pembayar cukai syarikat sahaja)**

Sila rujuk Garis Panduan Operasi Borang Nyata Terpinda di Portal Rasmi LHDNM, [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my) > klik Perundangan > pilih GPHDN 1/2020 - Prosedur Pengemukakan Borang Nyata Terpinda di bawah Garis Panduan Operasi.

### 3. KESALAHAN, PENALTI DAN DENDA DALAM PERCUKAIAN

Jenis kesalahan yang biasa dilakukan oleh individu ialah :

- i. Kelewatan penghantaran borang.
- ii. Kelewatan pembayaran baki cukai.

Untuk maklumat lanjut, sila layari Portal LHDNM melalui pautan [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my) > klik Kesalahan, Denda dan Penalti di bawah Perundangan.

### 4. KATEGORI PEMBAYAR CUKAI SELAIN SYARIKAT DAN SELAIN INDIVIDU

Terdapat beberapa jenis kategori cukai Selain Syarikat dan Selain Individu:

Kategori	Jenis Fail/ Borang
Koperasi	C1
Badan Amanah	TA
Unit Amanah/Amanah	TC
Harta Tanah Amanah Pelaburan	TR
Harta Tanah / Tabung Amanah Harta	
Perkongsian Liabiliti Terhadap Amanah Perniagaan	PT
Perkongsian	TN
Harta Pusaka	P
Keluarga Sekutu Hindu	TP
Pertubuhan	TJ
	TF

Sebarang pertanyaan berhubung kategori percukaian di atas boleh disalurkan ke:

- i. Maklum Balas Pelanggan di pautan <https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/MaklumBalas/ms-MY/>
- ii. Cawangan LHDNM yang berdekatan

### 5. PERBEZAAN ANTARA PENDAPATAN SEWA 4(a) DAN 4(d)

Sekiranya anda :

- i. Menyewakan harta tanah TANPA menyediakan perkhidmatan penyelenggaraan atau perkhidmatan sokongan secara komprehensif dan aktif; atau
- ii. Menyewakan harta tanah dan perkhidmatan penyelenggaraan atau perkhidmatan sokongan HANYA TERBIT SECARA PASIF disebabkan pemilikan harta tanah tersebut ;

Sewa ini dianggap pendapatan **bukan** perniagaan dan dikenakan cukai di bawah Perenggan 4(d), Akta Cukai Pendapatan 1967.

Jika sebaliknya, sewa tersebut tertakluk di bawah Perenggan 4(a) dalam akta yang sama, dan diklasifikasikan sebagai pendapatan perniagaan.

Maklumat lanjut boleh diperolehi daripada Portal Rasmi LHDNM, [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my) > klik Ketetapan Umum No.12/2018 di bawah menu Perundangan.